

TEKS USUL
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2018

**USUL MENGENAI HARGA PERUMAHAN YANG TINGGI DI NEGERI PULAU
PINANG**
OLEH MUHAMMAD AZAD NAIM B. MOHD PERDAUS

Seperti yang sedia maklum, harga rumah di negeri Pulau Pinang merupakan isu yang tidak asing lagi untuk diperkatakan. Hal ini kerana, harga rumah di negeri Pulau Pinang merupakan harga rumah yang tertinggi di Malaysia mengikut statistik yang telah dikeluarkan selain di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Isu ini akan memberi kesan kepada rakyat di negeri Pulau Pinang khususnya golongan belia yang ingin membeli rumah mereka sendiri kerana mereka tidak mempunyai kemampuan untuk memilikinya dan mereka terpaksa mencari alternatif lain iaitu menyewa rumah dalam tempoh yang lama.

Majoriti rakyat di negeri Pulau Pinang bekerja dalam sektor awam, swasta dan perindustrian. Jika hendak membuat perbandingan pendapatan yang mereka peroleh dengan harga rumah di Pulau Pinang akan menjadikan jurang yang sangat tinggi bagi melayakkan mereka untuk membeli rumah di Pulau Pinang. Oleh itu, mereka terpaksa membeli rumah di luar Pulau Pinang seperti di Sungai Petani dan Ipoh kerana harga rumah di sana jauh lebih murah berbanding di Pulau Pinang dengan mereka terpaksa berulang-alik setiap hari sedangkan mereka bekerja dan berkhidmat di sini.

Saya berharap agar usul ini dapat dibincangkan dengan lebih teliti dan mendalam di dalam Sidang Muda 2018 bagi mencari penyelesaian dalam isu ini dan seterusnya memberi manfaat kembali kepada rakyat di negeri Pulau Pinang

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,
MUHAMMAD AZAD NAIM B. MOHD PERDAUS
Ahli Sidang Muda 2018